

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum tuan/puan membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan PKS PENJANA-i BAE. Pastikan juga tuan/puan membaca terma dan syarat amnya. Dapatkan penjelasan daripada Bank jika tuan/puan tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma amnya.)</p>	<p>PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD 197301001433 (14328-V)</p> <p>Pembiayaan PKS PENJANA-i BAE (BAE PSF-i)</p> <p>TARIKH:</p>				
<p>1. Apakah produk ini?</p> <p>Pembiayaan PKS PENJANA-i BAE (BAE PSF-i) ialah skim pembiayaan modal kerja untuk meringankan masalah aliran tunai jangka pendek yang dihadapi oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas oleh penularan wabak COVID-19.</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 10%; text-align: center;">[]</td> <td> <p>Pembiayaan PKS PENJANA-i BAE (BAE PSF-i):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Diterima pakai untuk Pelanggan Lain (Pelanggan PBB/PIBB sedia ada). • Pembiayaan akan dikeluarkan apabila dokumentasi guaman siap. </td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">[]</td> <td> <p>Pembiayaan PKS PENJANA-i BAE (BAE PSF-i):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Diterima pakai untuk Pelanggan Baharu (Baharu kepada pelanggan sistem perbankan) dan Pelanggan Lain (Baharu kepada pelanggan PBB/PIBB). • Pembiayaan akan dikeluarkan seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) 80% apabila dokumentasi guaman siap. b) 20% apabila yang berikut dipenuhi: <ul style="list-style-type: none"> i) Ansuran bulanan pertama selepas tempoh moratorium (iaitu bulan ke-7) dibayar dengan sewajarnya. ii) Pemeriksaan yang memuaskan ke atas perniagaan dijalankan oleh Bank. </td> </tr> </table> <p>Pembiayaan TIDAK akan digunakan untuk aktiviti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada; b) Aktiviti tidak patuh Syariah. 		[]	<p>Pembiayaan PKS PENJANA-i BAE (BAE PSF-i):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Diterima pakai untuk Pelanggan Lain (Pelanggan PBB/PIBB sedia ada). • Pembiayaan akan dikeluarkan apabila dokumentasi guaman siap. 	[]	<p>Pembiayaan PKS PENJANA-i BAE (BAE PSF-i):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Diterima pakai untuk Pelanggan Baharu (Baharu kepada pelanggan sistem perbankan) dan Pelanggan Lain (Baharu kepada pelanggan PBB/PIBB). • Pembiayaan akan dikeluarkan seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) 80% apabila dokumentasi guaman siap. b) 20% apabila yang berikut dipenuhi: <ul style="list-style-type: none"> i) Ansuran bulanan pertama selepas tempoh moratorium (iaitu bulan ke-7) dibayar dengan sewajarnya. ii) Pemeriksaan yang memuaskan ke atas perniagaan dijalankan oleh Bank.
[]	<p>Pembiayaan PKS PENJANA-i BAE (BAE PSF-i):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Diterima pakai untuk Pelanggan Lain (Pelanggan PBB/PIBB sedia ada). • Pembiayaan akan dikeluarkan apabila dokumentasi guaman siap. 				
[]	<p>Pembiayaan PKS PENJANA-i BAE (BAE PSF-i):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Diterima pakai untuk Pelanggan Baharu (Baharu kepada pelanggan sistem perbankan) dan Pelanggan Lain (Baharu kepada pelanggan PBB/PIBB). • Pembiayaan akan dikeluarkan seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) 80% apabila dokumentasi guaman siap. b) 20% apabila yang berikut dipenuhi: <ul style="list-style-type: none"> i) Ansuran bulanan pertama selepas tempoh moratorium (iaitu bulan ke-7) dibayar dengan sewajarnya. ii) Pemeriksaan yang memuaskan ke atas perniagaan dijalankan oleh Bank. 				
<p>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bai' Al-Inah - Merujuk pengaturan yang melibatkan jualan aset kepada pembeli atas dasar tertunda dan pembelian aset berikutnya pada harga tunai yang lebih rendah daripada harga jualan tertunda. • Murabahah - Kaedah jualan dengan menaikkan harga (mark-up) yang mana kos sebenar dan margin keuntungan akan dimaklumkan kepada pelanggan. 					

3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?

BAE PSF-i		
Amaun Pembiayaan/Harga Belian oleh Bank	:	RM
Margin Pembiayaan (M/F %)	:	%
Takaful	:	RM
Tempoh (Tahun)	:	
Kadar Keuntungan		
Harga Jualan oleh Bank	:	RM
Kadar Keuntungan	:	%

4. Apakah kewajipan saya?

Kadar	(Kadar Keuntungan = %)
Ansuran bulanan mulai bulan ke-7 dan seterusnya ialah	RM
Jumlah kos keuntungan pada akhir _____ tahun	RM
Jumlah amaun bayaran pada akhir _____ tahun	RM

Nota:

- Dalam tempoh 6 bulan pertama moratorium, keuntungan tidak dikompaun dan dilunaskan sepanjang tempoh pembiayaan.
- Jumlah amaun pembayaran mungkin berubah sekiranya Kadar Pembiayaan/spread keuntungan berubah.
- Rujuk jadual pembayaran pembiayaan untuk ansuran bulan tahun-tahun berikutnya.
- Yang di atas adalah tepat hanya sekiranya kadar keuntungan tidak berubah.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?
5.1 Duti Setem (jika berkenaan)

- Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak semula pada tahun 1989).

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami melalui www.publicislamicbank.com.my.

6. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?
6.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya di bawah jenis kemudahan yang berkenaan, sekiranya berlaku kemungkiran, Bank berhak untuk mengenakan yang berikut:

- Berikutan kegagalan untuk membayar apa-apa ansuran kemudahan dari tarikh pengeluaran pertama sehingga tarikh matang kemudahan tersebut, tertakluk pada rebat, jika berkenaan. Kadar ta'widh (ganti rugi) yang akan diterima pakai ialah satu peratus (1%) setahun atas apa-apa amaun lampau tempoh, atau apa-apa kadar seumpamanya seperti yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

6. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?, sambungan

Formula bagi ta'widh atas ansuran lampau tempoh adalah seperti yang berikut:

$$\text{Ansuran Lampau Tempoh} \times 1\% \text{ setahun} \times \frac{\text{Bilangan Hari Lampau Tempoh}}{365}$$

- b) Sekiranya akaun terus tertunggak bagi tempoh selama sembilan puluh (90) hari atau lebih, atau berlakunya kemungkiran, yang menyebabkan keseluruhan kemudahan dipanggil balik atau dibawa ke mahkamah untuk keputusan sebelum tarikh matang, caj bayaran lewat sebanyak satu peratus (1%) setahun atas baki belum jelas akan dikenakan.

$$\text{Baki Belum Jelas} \times 1\% \text{ setahun} \times \frac{\text{Bilangan Hari Lampau Tempoh}}{365}$$

- c) Berikutan kegagalan untuk membayar apa-apa ansuran dan kegagalan untuk terus membayar melepasi tarikh matang Tempoh Pembiayaan atau selepas penghakiman tersebut, mana-mana yang lebih dahulu, kadar ganti rugi yang akan diterima pakai ialah ta'widh (amaun yang boleh dibayar kepada Bank berdasarkan kerugian sebenar yang dialami disebabkan kemungkiran) yang mana kadar ta'widh adalah bersamaan dengan kadar semalaman harian semasa Pasaran Kewangan Antara Bank Islam (IIMM) atas baki lampau tempoh atau apa-apa kadar seumpamanya seperti yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Formula bagi caj bayaran lewat selepas matang adalah seperti yang berikut:

$$\text{Baki Belum Jelas} \times \text{Kadar IIMM} \times \frac{\text{Bilangan Hari Lampau Tempoh}}{365}$$

- d) Bank tidak akan mengira ganti rugi yang mesti dibayar kepada amaun pokok/amaun pembiayaan.
- 6.2 Bank berhak pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada tuan/puan untuk mendebitkan Akaun Semasa/Simpanan tuan/puan dengan kami bagi pembayaran bayaran bulanan pembiayaan tersebut dan apa-apa caj dan/atau fi lain yang dikenakan bagi pemberian pembiayaan berkenaan termasuk caruman Takaful, cukai tanah, cukai pintu, kos bagi laporan penilaian yang dikemas kini/disemak, fi bagi carian, fi guaman untuk penyediaan dan penyempurnaan dokumen sekuriti oleh peguam Bank, kos guaman yang dikenakan berkaitan dengan penguatkuasaan/kos pemungutan semula dan apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang berkaitan dengannya.
- 6.3 Tempoh pembiayaan adalah sehingga lima setengah (5.5) tahun dan tujuh setengah tahun (7.5) tahun atau tempoh lain yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia, termasuk moratorium selama enam (6) bulan bagi pembayaran pokok dan keuntungan.
- 6.4 Sekiranya tempoh pembiayaan berlanjutan sehingga persaraan, tuan/puan diminta memaklumkan kepada kami mengenai rancangan tuan/puan untuk membuat bayaran bulanan selepas persaraan tuan/puan.

6. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?, sambungan

- 6.5 Tuan/Puan hendaklah memberi kepada kami semua maklumat yang berkaitan mengenai pembiayaan yang diambil daripada semua institusi kewangan, koperasi, persatuan pembinaan, syarikat kredit dan peniaga yang memberi jualan kredit dsbnya. dan memberi maklumat penting sepenuhnya dan setepatnya yang memberi kesan ke atas keputusan kami untuk memberi pembiayaan. Kegagalan untuk memberi maklumat penting dan tepat dalam permohonan pembiayaan dan pemberian maklumat yang tidak lengkap atau tidak betul akan menyebabkan kadar pembiayaan yang lebih tinggi dikenakan atau permohonan pembiayaan tuan/puan ditolak.
- 6.6 Tindakan undang-undang akan diambil jika tuan/puan gagal untuk menjawab notis-notis peringatan.
- 6.7 Tindakan undang-undang terhadap tuan/puan mungkin menjejaskan penarafan kredit tuan/puan yang boleh menyebabkan pembiayaan menjadi lebih sukar atau mahal bagi tuan/puan.
- 6.8 Sekiranya pelanggan tidak dapat dihubungi, tanggungjawab Bank dianggap telah disempurnakan sekiranya notis sedemikian telah dihantar ke alamat terakhir pelanggan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari lebih awal.
- 6.9 Anda boleh memilih untuk menggunakan panel peguam/pengendali takaful/penilai Bank.
- 6.10 Berdasarkan satu-satu kes bergantung pada penilaian kredit anda oleh Bank, anda mungkin perlu menyediakan penjamin.

Terma dan syarat lain

- 1) Tuan/Puan boleh memilih untuk menggunakan panel peguam/pengendali Takaful/penilai Bank.
- 2) Berdasarkan kes, bergantung pada penilaian kredit tuan/puan oleh Bank, tuan/puan mungkin perlu menyediakan penjamin.

7. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

- Bank akan menawarkan rebat (ibra') yang kurang atas baki keuntungan belum diperoleh.
- Rebate (ibra') merujuk pada tindakan seseorang yang mahu melepaskan haknya untuk memungut bayaran yang terhutang daripada orang lain. Bank boleh memberi rebat (ibra') kepada pelanggan bagi pembiayaan berasaskan jualan yang menyelesaikan kemudahannya sebelum tempoh penyelesaian yang dipersetujui seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.
- Contoh Pengiraan:
 - a) Rebate (ibra') = Keuntungan tertunda - Caj penyelesaian awal
Contoh = RM98,167.98 – RM0.00
= RM98,167.98
 - b) Amaun penyelesaian = Harga jualan belum jelas + Ansuran tertunggak – Rebate (ibra')
Contoh = RM267,766.53 + RM2,028.53 - RM98,167.98
= RM171,627.08
- Tiada Fi Penyelesaian Awal akan dikenakan.

8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- Takaful Berjangka Pengurangan Gadai Janji (MRTT) [] Ya [] Tidak
- Takaful Bertempoh Pengurangan Pembiayaan
Perniagaan (BFTTR) [] Ya [] Tidak
- Takaful Kebakaran/Isi Rumah/Pemilik Rumah [] Ya [] Tidak

Nota:

Pelanggan boleh merujuk kepada Cawangan yang berkaitan mengenai senarai panel pengendali Takaful. Bank boleh memberi sebut harga bagi mana-mana Takaful wajib yang ditawarkan oleh panel pengendali Takaful Bank tetapi pelanggan bebas untuk menggunakan perkhidmatan pengendali Takaful bukan panel. Bagaimanapun, hanya amaun daripada penyedia Takaful yang diluluskan oleh Bank sahaja yang akan diberi pembiayaan.

9. Apakah risiko-risiko utama?

- Sekiranya Kerajaan Malaysia mengubah atau meminda apa-apa terma dan syarat termasuk amaun jaminan, Bank berhak untuk membatalkan kemudahan itu atau menstrukturkan semula kemudahan itu tertakluk pada terma dan syarat baharu.

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi saya?

- Adalah penting tuan/puan menghubungi kami (notis bertulis hendaklah dihantar ke cawangan pemegang akaun) mengenai apa-apa perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi tuan/puan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada tuan/puan tepat pada masanya.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?

- Jika tuan/puan mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, tuan/puan hendaklah menghubungi kami secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.
- Jika tuan/puan ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, tuan/puan boleh menghubungi:

Public Islamic Bank Berhad
Tingkat 25, Menara Public Bank
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2170 8000
Faks : 03-2162 2224
E-mel : islamicbkg@publicislamicbank.com.my
Laman Web : <https://www.publicislamicbank.com.my>

- Selain itu, tuan/puan boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi khidmat percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturkan semula hutang untuk individu. Tuan/Puan boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 dan 6
Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Telefon : 03-2616 7766
E-mel : enquiry@akpk.org.my

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?, sambungan

- Sekiranya pertanyaan atau aduan tuan/puan tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan, tuan/puan boleh menghubungi TELELINK Bank Negara Malaysia di:

Pusat Hubungan Pelanggan (BNMTELELINK)

Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922

50929 Kuala Lumpur

Telefon

: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)

: +603-2174 1717 (Panggilan dari luar negeri)

Waktu Operasi

: 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)

Web Form (Borang Web)

: telelink.bnm.gov.my

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya tuan/puan memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web Public Islamic Bank melalui www.publicislamicbank.com.my.
- Kunjungi cawangan Public Bank/Public Islamic Bank yang berhampiran.

13. Kemudahan lain yang disediakan

- Kemudahan Agromakanan-i BAE SJPP
- Kemudahan Automasi dan Pendigitalan-i PKS BAE SJPP 2020
- Kemudahan Perusahaan Mikro-i BAE BNM
- Kemudahan Semua Sektor Ekonomi-i PKS BAE BNM (Skim Jaminan)
- Kemudahan Semua Sektor Ekonomi-i PKS BAE BNM (Skim Bukan Jaminan)

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL SEKIRANYA TUAN/PUAN TIDAK MEMBUAT BAYARAN BAGI PEMBIAYAAN TUAN/PUAN.

Maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja, kadar keuntungan dan caj mungkin berubah dan tertakluk pada terma dan syarat Bank.

Tandatangan/Tarikh:

Nama Pegawai/Pegawai Penjualan dan Pemasaran:

- Saya mengesahkan bahawa sesalinan borang pendedahan ini telah diberi dan dijelaskan kepada pemohon.
- Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini sah pada tarikh di atas.